



## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA  
GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY

---

Jil.34  
Bil.17

13hb Ogos 1981

TAMBAHAN No. 3  
ENAKMEN

---

Enakmen-Enakmen ini, yang diluluskan di dalam Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Perak, pada 27hb April, 1981 dan 28hb April, 1981 diisytiharkan untuk pengetahuan am:

The following Enactments, passed by the Legislative Assembly on 27th April, 1981 and 28th April, 1981 are published for general information:

Enakmen Bil.	Nama	Muka
1.	Enakmen Pendaftaran Kerbau Lembu, 1981 ... Cattle Registration Enactment, 1981	1

## Bil. 1 TAHUN 1981

### BETA PERKENANKAN,

(RAJA IDRIS ISKANDAR SHAH)  
*Sultan Perak*  
(Mohor Kerajaan)

16hb Julai, 1981.

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan untuk pendaftaran kerbau lembu di dalam Negeri Perak dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Perak seperti berikut:

#### BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinakakan Enakmen Pendaftaran Kerbau Lembu, 1981, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Raja dalam Mesyuarat melalui pemberitahu dalam *Warta* dan Raja dalam Mesyuarat boleh menguatkuasakan semua atau mana-mana daripada peruntukan-peruntukan Enakmen ini sama ada di seluruh Negeri atau di mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahu itu. Tajuk ringkas,  
pemakaian dan mula  
berkuatkuasa
2. Di dalam Enakmen ini dan kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain-  
"ekspot" ertinya membawa keluar daripada Negeri ini;  
"impot" ertinya membawa masuk ke dalam Negeri ini;  
"kerbau lembu" ertinya lembu jantan, lembu betina, lembu kasi, lembu dara dan anak lembu dan termasuk kerbau walaupun umur atau jantannya;  
"Pegawai Haiwan" ertinya mana-mana pegawai yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat menurut seksyen 3(2) Undang-Undang Binatang, Tahun 1953 dan melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, termasuk Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri.  
"Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri" ertinya Ketua Jabatan Haiwan di dalam Negeri Perak.  
"Penguasa Haiwan" ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 4(2) Enakmen ini.  
"Pindahan milik" ertinya jualan atau hadiah;  
"tuanpunya" termasuk seseorang yang memiliki atau menjaga mana-mana kerbau lembu. Tafsiran

#### BAHAGIAN II PENTADBIRAN

3. Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri hendaklah bertanggungjawab bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini. Tanggungjawab  
Pengarah  
Perkhidmatan Haiwan  
Negeri
4. (1) Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri boleh mewakilkan kuasanya dengan bertulis yang ditandatangani mana-mana kuasanya di bawah Enakmen ini (kecuali kuasa mewakilkan kuasa ini) kepada mana-mana Pegawai Haiwan tertakluk kepada syarat-syarat dan had-had yang ditetapkan olehnya di dalam surat wakilan kuasa itu: Mewakilkan kuasa

Dengan syarat Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri bolehlah menjalankan mana-mana kuasa di bawah Enakmen ini walaupun ia telah

mewakilkannya di bawah seksyen ini.

- (2) Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri boleh melantik seberapa banyak pegawai di Jabatannya mengikut nama atau jawatan menjadi Penguasa Haiwan bagi Daerah-daerah yang tertentu yang difikirkannya patut bagi maksud menjalankan beberapa tugas yang ditetapkan oleh Enakmen ini.
  - (3) Penolong Pegawai Haiwan atau Pembantu Urusan Haiwan di tiap-tiap Daerah dalam Negeri ini hendaklah menjalankan kuasa dan menyempurnakan pekerja yang diberi atau ditugaskan ke atasnya oleh atau menurut Enakmen ini dan hendaklah bertindak menurut arahan Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri.
5. (1) Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri hendaklah mengada dan menyenggarakan sebanyak yang mencukupi daftar-daftar, buku-buku dan lain-lain suratcara sebagaimana yang ditetapkan, dikeluarkan atau digunakan menurut Enakmen ini. Mengadakan dan menyimpan daftar-daftar dan buku-buku
- (2) Tertakluk kepada arahan Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri semua daftar-daftar dan buku-buku yang digunakan hendaklah disimpan oleh Penolong Pegawai Haiwan atau Pembantu Urusan Haiwan Daerah yang berkenaan dengan daftar atau buku itu.
  - (3) Tertakluk kepada arahan Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri semua buku-buku yang telah habis digunakan itu hendaklah disimpan bagi keselamatan oleh Penguasa Haiwan bagi Daerah yang ditetapkan baginya di bawah Seksyen 4(2).
6. (1) Maka hendaklah diadakan sebuah Daftar Kerbau Lembu bagi tiap-tiap Daerah di dalam Negeri ini yang mana Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah mencatatkan butir-butir berkenaan dengan semua kerbau lembu di dalam Daerahnya tetapi tiada apa-apa pun di dalam seksyen ini yang boleh menegah disimpan daftar yang berasingan, satu untuk kerbau dan satu lagi untuk lembu kerbau yang lain dari kerbau.
- (2) Daftar Kerbau Lembu itu hendaklah mengikut Borang A dalam Jadual Pertama.
7. Surat Keterangan Pendaftaran yang dikehendaki dikeluarkan di bawah Seksyen-seksyen 16, 20, 24 atau salinannya yang diakui di bawah seksyen 27 hendaklah dalam bentuk buku keratan dan diberi nombor-nombor siri dan hendaklah menurut Borang B dalam Jadual Pertama. Surat Keterangan Pendaftaran
8. (1) Surat Pindahan Milik yang dikehendaki diperbuat di bawah seksyen 21 hendaklah disediakan berpendua dan diberi nombor-nombor bersiri mengurut Borang C dalam Jadual Pertama. Surat Pindahan Milik
- (2) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah mengisi butir-butir yang dikehendaki di dalamnya dan setelah mengambil tandatangan pihak-pihak yang bersangkutan dengan urusan itu maka hendaklah ia menurun tandatangannya bersama di atas surat itu dan mengeluarkan naskah asal kepada pihak yang menerima pindahan milik itu.
9. (1) Laporan yang dikehendaki di bawah seksyen-seksyen 18, 19, 22 dan 27 hendaklah dituliskan di dalam sebuah buku yang dinamakan Buku Laporan yang disediakan berpendua dan diberi nombor-nombor bersiri dan hendaklah menurut Borang D dalam Jadual Pertama. Buku Laporan
- (2) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu urusan Haiwan hendaklah menulis butir-butir yang dikehendaki di dalamnya dan setelah mengambil

- tandatangan orang yang memberi lapora, maka hendaklah ia menurun tandatangannya bersama pada laporan itu dan mengeluarkan naskhah asal kepada orang memberi laporan itu.
- 10.(1) Surat Keterangan Pembatalan Pendaftaran yang dikehendaki dikeluarkan di bawah seksyen 23, dan 26 itu hendaklah disediakan berpendua dan diberi nombor-nombor bersiri menurut Borang E dalam Jadual Pertama. Surat Keterangan Pembatalan Pendaftaran
- (2) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah menulis butir-butir yang dikehendaki di dalamnya dan mengeluarkan maskhah asal itu kepada tuannya kerbau lembu itu.
11. Di dalam minggu pertama tiap-tiap bulan Penolong Pegawai Haiwan hendaklah menyediakan dan menghantarkan kepada Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri, Penyata Bulanan menurut Borang F dalam Jadual Pertama menyatakan butir-butir yang dikehendaki di dalamnya berkenaan dengan bulan yang lepas. Penyata Bulanan
- 12.(1) Maka hendaklah dibayarkan kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan: Bayaran
- (a) Bayaran-bayaran yang dipertentukan dalam Jadual Kedua; dan
- (b) Lain-lain bayaran menurut seperti yang ditetapkan.
- (2) Raja dalam Mesyuarat boleh dengan perintah mengecualikan seseorang daripada membayar apa-apa bayaran.
- (3) (a) Semua kerbau lembu yang dibahagi-bahagiakn di bawah Rancangan pawah Negeri atau Persekutuan, selagi ianya menjadi hak milik Kerajaan, adalah dikecualikan daripada apa-apa bayaran.
- (b) Semua kerbau lembu yang dipelihara di ladang-ladang Kerajaan atau Kuasai Kerajaan adalah dikecualikan daripada apa-apa bayaran.
- (4) Banyaknya bayaran yang ditunjukkan di dalam mana-mana surat yang dikeluarkan menurut atau di bawah peruntukan-peruntuakan Enakmen ini hendaklah dianggapkan bayaran yang telah dibayar atau diterima, mengikut mana yang berkenaan sehingga dinyatakan sebaliknya.
- (5) Pembantu Urusan Haiwan hendaklah membayar semua bayaran yang diterima olehnya kepada Penolong Pegawai Haiwan dan hendaklah menunjukkan semua buku yang berkenaan kepada Penolong Pegawai Haiwan pada masa pembayaran itu.
- (6) Semua bayaran yang dipungut menurut peruntukan-peruntuakn Enakmen ini termasuk bayaran kompaun yang dikenakan dan dipungut di bawah seksyen 34 hendaklah dimasukkan ke Hasil Negeri.
13. Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri hendaklah selepas 30hb Jun tiap-tiap tahun mengumpul dan menyusun: Penyata Tahunan
- (a) suatu ringkasan mengenai banyaknya kerbau lembu di dalam Negeri serta menyatakan kelahiran, kematian, penyembelihan, pindahan milik dan pindahan tempat di dalam tahun yang lepas; dan
- (b) suatu laporan Am atas bertambah atau berkurangnya bilangan kerbau lembu dan mengenai sebab-sebab tertentu berkaitan dengan pertambahan atau kekurangan itu, setakat yang dapat dibuktikan daripada Daftar kerbau lembu dan penyata bulanan.
- BAHAGIAN III**  
**PENDAFTARAN PERTAMA**
14. (a) Tiap-tiap tuannya mana-mana kerbau lembu hendaklah melaporkan kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan daerahnya Semua kerbau lembu hendaklah didaftarkan

segala butir-butir yang dikehendaki oleh Penguasa Haiwan berkenaan dengan kerbau lembu yang dipunyainya.

(b) Semua tuannya kerbau lembu akan dikehendaki membayar bayaran yang ditetapkan untuk pendaftaran yang pertama selepas luput tempoh enam bulan dari tarikh Enakmen ini berkuatkuasa.

15. Tiap-tiap kerbau lembu yang didaftarkan adalah dikehendaki supaya menanda tatu di telinganya bagi maksud pengenalan sebagai ternakan tempatan di dalam Negeri. Tanda Tatu di telinga
16. Apabila didaftarkan mana-mana kerbau lembu maka hendaklah Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan menyerahkan Surat Keterangan Pendaftaran kepada tuannya setelah dibayar bayaran yang ditetapkan. Keluaran Surat Keterangan Pendaftaran

#### BAHAGIAN IV KELAHIRAN

- 17.(1) Tuannya mana-mana kerbau lembu yang dilahirkan di dalam Negeri ini hendaklah melaporkan kelahiran itu di dalam tempoh empat belas hari kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan Daerahnya dan hendaklah menyerahkan kepadanya Surat keterangan Pendaftaran induknya. Kelahiran
- (2) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu urusan Haiwan hendaklah mencatatkan butir-butir kelahiran itu di dalam Surat keterangan Pendaftaran induknya dan di dalam Daftar kerbau lembu dan hendaklah mendaftarkan kelahiran itu.
18. Jika selepas luput tempoh empat belas hari dan sebelum hari yang ketiga puluh satu daripada tarikh kelahiran mana-mana kerbau lembu, sekiranya laporan diberi kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan supaya didaftarkan butir-butir kelahiran itu, Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan boleh, apabila dibayar bayaran yang ditetapkan bagi pendaftaran lewat, mendaftarkan butir-butir yang ditetapkan. Pendaftaran lewat
19. Jika selepas luput tempoh tiga puluh hari daripada tarikh dilahirkan mana-mana kerbau lembu, kelahiran itu tidak dilaporkan, maka kelahiran itu tidak boleh didaftarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Penguasa Haiwan dan dengan apa-apa cara dan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan bagi pendaftaran lambat dan perihal bahawa kebenaran telah diperolehi daripada Penguasa Haiwan hendaklah dituliskan di dalam daftar itu. Kebenaran Penguasa Haiwan dikehendaki bagi pendaftaran lambat
20. (a) Apabila didaftarkan kelahiran mana-mana kerbau lembu di bawah seksyen 17, 18 dan 19, maka hendaklah Penolong Pegawai haiwan/Pembantu Urusan Haiwan menyerahkan Surat keterangan Pendaftaran kepada tuannya, setelah dibayar bayaran yang ditetapkan. Kebenaran Surat Keterangan Kelahiran
- (b) Mana-mana anak kerbau lenbu yang didaftarkan di bawah seksyen 17, 18 atau 19 adalah dikehendaki ditanda tatu di telinganya bagi maksud pengenalan.

#### BAHAGIAN V PINDAHAN MILIK

- 21.(1) Tiap-tiap pindahan milik kerbau lembu hendaklah dilaporkan oleh orang yang memindah milik dan orang yang menerima pindahan milik kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan bagi Daerah di mana kerbau lembu itu didaftarkan. Pindahan milik hendaklah didaftarkan

- (2) Apabila sesuatu laporan dibuat menurut seksyen kecil (1) maka hendaklah orang yang memindah milik dan orang yang menerima pindahan milik itu membuat dan menandatangani Surat Pindahan Milik dan Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan bagi Daerah itu hendaklah mendaftarkan pindahan milik itu setelah dibayar bayaran yang ditetapkan dengan merekodkan butir-butirnya dalam daftar kerbau lembu dan di atas Surat Keterangan Pendaftaran.
- (3) Tuanpunya tiap-tiap kerbau lembu yang dipindah milik di bawah peruntukan-peruntukan seksyen kecil (1) dan (2) hendaklah menyerahkan kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan Surat Keterangan Pendaftaran kerbau lembu itu dan Surat Pindahan Milik tidak boleh didaftarkan oleh Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan melainkan dan sehingga Surat Keterangan itu diserahkan kepadanya.

#### BAHAGIAN VI MEMBAWA PINDAH

- 22.(1) Seseorang tuanpunya kerbau lembu yang hendak membawa pindah kerbau lembu daripada satu daerah ke daerah yang lain hendaklah terlebih dahulu memberi laporan kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan bagi Daerah di mana kerbau lembu itu didaftarkan dan hendaklah menyerahkan kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan itu Surat Keterangan Pendaftaran kerbau lembu yang tersebut itu. Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah mencatatkan di atas Surat Keterangan Pendaftaran itu dan menulis butir-butir catatan itu dalam Daftar kerbau lembu. Membawa pindah
- (2) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah apabila dibayar bayaran yang ditetapkan menulis butir-butir laporan itu di dalam Borang D dalam Jadual Pertama dan mengeluarkan salinan asalnya kepada tuanpunya itu.
- (3) Seseorang tuanpunya yang membawa pindah mana-mana kerbau lembu daripada satu daerah ke daerah yang lain hendaklah di dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh sampainya di dalam daerah yang lain itu memberi laporan di atas kemasukan itu kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan bagi Daerah yang lain itu dan hendaklah menyerahkan kepadanya Surat Keterangan Pendaftaran bagi kerbau lembu itu beserta dengan naskhah asal Borang D yang dikeluarkan menurut seksyen kecil (2). Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah menyimpan salinan asal Borang D itu, menulis butir-butir kemasukan di atas Surat Keterangan Pendaftaran dan Daftar kerbau lembu dan menyerah balik Surat Keterangan Pendaftaran itu kepada tuanpunya.
- 23.(1) Seseorang tuanpunya yang hendak mengeksport mana-mana kerbau lembu hendaklah memberi laporan kepada Penolong pegawai Haiwan/Pembantu urusan Haiwan bagi Daerah di mana kerbau lembu itu didaftarkan dan hendaklah menyerahkan kepadanya Surat Keterangan Pendaftaran yang berkaitan dengannya. Ekspot
- (2) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah apabila dibayar bayaran yang ditetapkan mencatatkan butir-butir laporan yang tersebut di dalam Borang E dalam Jadual Pertama dan mengeluarkan kepada tuanpunya itu Surat Keterangan Pembatalan Pendaftaran.
- (3) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah mencatatkan butir-butir yang tersebut di dalam Daftar kerbau lembu dan di atas Surat Keterangan Pendaftaran dan hendaklah menyimpan Surat Keterangan Pendaftaran itu.

- 24.(1) Kecuali jika kerbau lembu itu dalam perjalanan sahaja, seseorang yang mengimpot mana-mana kerbau lembu hendaklah membawa kerbau lembu itu supaya didaftarkan beserta dengan surat kebenaran Penguasa Haiwan kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh diimpot. Impot
- (2) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah apabila dibayar bayaran yang ditetapkan mendaftarkan kerbau lembu itu dan mengeluarkan kepada tuannya itu Surat Keterangan Pendaftaran.

#### BAHAGIAN VII KEMATIAN

- 25.(1) Tuannya mana-mana kerbau lembu yang mati di dalam Negeri ini hendaklah melaporkan kematian itu dalam tempoh 24 jam kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan bagi Daerah di mana kerbau lembu itu didaftarkan dan hendaklah menyerahkan surat keterangan Pendaftaran kerbau lembu itu. Kematian hendaklah dilaporkan dalam masa 24 jam
- (2) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah memasukkan butir-butir kematian itu dalam Daftar kerbau lembu dan mencatatkan di atas Surat Keterangan Pendaftaran dan menyimpan Surat Keterangan itu.
- (3) Tiada dikenakan apa-apa bayaran bagi merekodkan kematian mana-mana kerbau lembu.

#### BAHAGIAN VIII PENYEMBELIHAN

- 26.(1) Seseorang tuannya yang hendak menyembelih kerbau lembu hendaklah melaporkan kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan bagi Daerah di mana kerbau lembu itu didaftarkan dan hendaklah menyerahkan kepadanya Surat Keterangan Pendaftaran yang berkaitan dengannya beserta dengan kebenaran menyembelohnya oleh Penguasa Haiwan. Penyembelihan
- (2) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah apabila dibayar bayaran yang ditetapkan mencatatkan butir-butir laporan itu dalam Borang E dalam Jadual Pertama dan mengeluarkan kepada tuannya itu Surat Keterangan Pembatalan Pendaftaran.
- (3) Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan hendaklah memansuhkan butir-butir tiap-tiap penyembelihan di dalam Daftar kerbau lembu dan mencatatkan di atas Surat Keterangan Pendaftaran dan menyimpan Surat Keterangan itu.

#### BAHAGIAN IX SURAT KETERANGAN PENDAFTARAN

- 27.(1) Jika Surat Keterangan Pendaftaran bagi mana-mana kerbau lembu itu hilang atau binasa maka orang yang hendak menyimpannya hendaklah membawa tunjuk kerbau lembu itu dan membuat suatu laporan berkenaan dengan kehilangan atau kebinasaan itu kepada Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan yang hendaklah apabila dibayar bayaran yang ditetapkan merekodkan ringkasan tiap-tiap laporan itu di dalam Borang D di dalam Jadual Pertama. Kehilangan Surat Keterangan Pendaftaran dan Keluaran salinan yang diakui
- (2) Jika Penolong Pegawai Haiwan/Pembantu Urusan Haiwan itu berpuas hati terhadap kebenaran laporan itu dan orang yang memberi laporan itu berhak menyimpan Surat Keterangan Pendaftaran itu maka hendaklah ia mengeluarkan satu salinan yang diakui kepadanya, setelah dibayar

bayaran yang ditetapkan, dan hendaklah merekodkan perihal keluaran itu dalam Daftar kerbau lembu.

28. Tiadalah seseorang pun, selain daripada Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri, Penguasa Haiwan yang bertindak semasa menjalankan tugasnya sedemikian, boleh membuat apa-apa tanda atau catitan atau masukkan atau memadan, memindah, membatalkan atau dengan jalan lain merosakkan atau membinasakan Surat Keterangan Pendaftaran atau salinannya yang diakui. Ditegah meminda Surat Keterangan Pendaftaran
29. Seseorang Pegawai Haiwan, Penguasa Haiwan atau Pegawai Polos boleh pada bila-bila masa memeriksa mana-mana kerbau lembu atau bahagian-bahagian bangkainya dan mana-mana Surat Keterangan Pendaftaran atau lain-lain dokumen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini berkenaan dengannya, atau boleh pada bila-bila masa mengkehendaki tuannya mana-mana kerbau lembu membawa tunjuk mana-mana kerbau lembu atau Surat Keterangan Pendaftaran dalam tempoh masa, kepada siapa dan dimana tempatnya menurut apa yang difikirkan patut oleh orang yang membuat permintaan itu. Kuasa memeriksa kerbau lembu dan suratcara-suratcara

#### BAHAGIAN X KESALAHAN-KESALAHAN

30. Seseorang yang menjadi orang yang menjaga mana-mana daftar atau lain-lain buku dengan cuainya menghilangkan atau merosakkan daftar atau membiarkan daftar itu dirosakkan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi daripada lima ratus ringgit. Kesalahan berkenaan dengan daftar-daftar
31. Sesiapa yang-  
(a) dengan sengaja membuat atau membenarkan diperbuat bagi maksud pendaftaran apa-apa kenyataan palsu; atau  
(b) dengan sengaja atau dengan mengetahui memberi atau membenarkan supaya diberikan apa-apa maklumat palsu berhubung dengan mana-mana butir yang dikehendaki oleh Enakmen ini supaya dimaklumkan; atau  
(c) membuat atau membenarkan supaya dibuat apa-apa catitan palsu di dalam mana-mana daftar, dengan mengetahui bahawa perkara itu palsu; atau  
(d) dengan sengaja menghapus atau membenarkan supaya dihapuskan apa-apa catitan di dalam mana-mana daftar atau mana-mana Surat Keterangan; atau  
(e) dengan sengaja membuat laporan palsu bagi maksud mendapatkan suatu salinan yang diakui bagi Surat Keterangan Pendaftaran di bawah peruntukan seksyen 27. Hukuman kerana menyatakan bohong, catitan palsu atau pembinasaan catitan atau surat keterangan
- Adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara bagi tempoh selama tidak lebih daripada enam bulan, atau kedua-duanya denda dan penjara.
32. Tiada boleh dijalankan apa-apa pendakwaan bagi kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 30 atau 31 Enakmen ini kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya. Keizinan mendakwa
33. Sesiapa yang-  
(a) dikehendaki oleh atau di bawah Enakmen ini supaya memberi maklumat berkenaan dengan mana-mana kerbau lembu atau kelahiran atau kematian atau penyembelihan mana-mana kerbau lembu, dengan sengaja enggan menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh Penguasa Haiwan berhubung dengan butir-butir yang dikehendaki untuk didaftarkan berkenaan dengan kelahiran, kematian atau penyembelihan atau berkenaan mana-mana kerbau lembu, atau, kecuali seperti yang disyaratkan Penalti kerana tiada memberi maklumat

di dalam Enakmen ini, mungkir mematuhi apa-apa kehendak Penguasa Haiwan yang dibuat di bawahnya;

- (b) enggan atau mungkir tanpa alasan yang munasabah memberi, menyerah atau menghantar apa-apa surat keterangan atau lain-lain dokumen yang ia kehendaki memberi, menyerah atau menghantar;
- (c) menjadi seorang yang diwajibkan di atasnya oleh seksyen 14, 17, 21, 23, 24, 25 atau 26 supaya memberi maklumat berkenaan dengan mana-mana kerbau lembu mungkir memberi maklumat itu dan maklumat itu tidak diberikan,

adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap kesalahan.

- 34.(1) Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri boleh menurut budibicaranya mengkompaun mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 33 Enakmen ini dengan menerima wang tidak lebih daripada satu ratus ringgit daripada orang-orang yang ada alasan-alasan yang berpatutan disyaki melakukan kesalahan itu. Kuasa mengkompaun kesalahan
- (2) Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri boleh memberi kebenaran khas mengikut nama atau jawatan, mana-mana Pegawai Haiwan bagi menjalankan kuasanya untuk mengkompaun kesalahan yang diberikan kepadanya oleh seksyen ini dengan syarat bahawa pegawai itu tiada boleh membuat tawaran bagi kompaun lebih daripada dua puluh ringgit.

#### BAHAGIAN XI AM

- 35.(1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini Raja dalam Mesyuarat boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan selanjutnya tujuan-tujuan dan peruntukan-peruntukan Enakmen ini. Kuasa untuk membuat Kaedah-kaedah
- (2) Dengan tiada menyentuh keluasan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen kecil (1) Raja dalam Mesyuarat boleh membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:
  - (a) bentuk dan kandungan daftar-daftar, surat-surat keterangan, borang-borang dan lain-lain dokumen yang dikehendaki dan maklumat yang dikehendaki diberikan bagi melaksanakan maksud Enakmen ini;
  - (b) bayaran yang dikehendaki dikenakan di bawah Enakmen ini;
  - (c) penyimpan daftar-daftar, surat keterangan, borang-borang dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan urusan pendaftaran;
  - (d) lain-lain perkara yang difikirkan mustahak dibuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.
- 36. Raja dalam Mesyuarat melalui perintah boleh membatalkan mana-mana peruntukan atau menambah atau mengubah peruntukan-peruntukan mana-mana Jadual dalam Enakmen ini. Kuasa untuk meminda Jadual

JADUAL PERTAMA

NEGERI PERAK  
ENAKMEN PENDAFTARAN KERBAU LEMBU, TAHUN 1981

BORANG A  
(Seksyen 6)

DAFTAR KERBAU LEMBU

Daerah: .....

Tarikh Datar	Nombor Daftar	Jantina Jenis Dan sifat	Nama Tuanpunya	Alamat Tuanpunya	No. Tatu Tebinga	Lain-lain hal	Pindahan Milik Dan lain-lain



NEGERI PERAK

Telah Bayar \$1.00

ENAKMEN PENDAFTARAN KERBAU LEMBU,  
TAHUN 1981

BORANG C  
(Seksyen 8)

No. Siri: .....

SURAT PINDAH MILIK

Haribulan: .....

Saya, .....Kad Pengenalan

No.....tuanpunya kerbau/lembu .....

No. Siri : .....

No. Pendaftaran : .....

No. Tatu Telinga : .....

telah ..... (menjual atau membeli) dengan harga

..... kepada .....

Kad Pengenalan No. .... Alamat .....

.....

.....  
*Penolong Pegawai Haiwan*

.....  
*Pembeli/Penerima*

.....  
*Penjual/Pemberi*

NEGERI PERAK

Telah Bayar \$1.00

ENAKMEN PENDAFTARAN KERBAU LEMBU,  
TAHUN 1981

BORANG D  
(Seksyen 9)

No. Siri: .....

BUKU LAPORAN

Haribulan: .....

Saya, .....Kad Pengenalan

No.....BERIKRAR ADALAH Surat Keterangan Pendaftaran

Kerbau/lembu saya butir-butir seperti berikut :

Jenis : ..... Umur : .....

No. Pendaftaran : .....No. Siri : .....

No. Tatu Telinga : .....

Telah hilang/melapor lewat/pindah tempat pendaftaran.

.....  
*Penolong Pegawai Haiwan*

.....  
*Tuanpunya*

NEGERI PERAK

Telah Bayar \$2.00

ENAKMEN PENDAFTARAN KERBAU LEMBU,  
TAHUN 1981

BORANG E  
((Seksyen 10))

No. Siri: .....

SURAT KETERANGAN PEMBATALAN PENDAFTARAN

Haribulan: .....

Maka dengan ini saya akui bahawa kerbau/lembu yang dipunyai oleh  
.....Kad Pengenalan

No.....butir-butirnya seperti :

Jenis : ..... No. Pendaftaran : .....

Daerah : ..... No. Tatu Telinga : .....

telah dibatalkan daripada Daftar untuk sembelih/ekspot.

.....  
*Penolong Pegawai Haiwan*

**NEGERI PERAK**  
**ENAKMEN PENDAFTARAN KERBAU LEMBU, TAHUN 1981**  
**BORANG F**  
**(Skayen 11)**  
**PENYATA BULANAN KERBAU LEMBU**

Penyata Bulan..... Daerah..... Mukim.....

Jenis	Bilangan yang mati (selain daripada sembelih)		Banyak yang didaftar (gabare beranak sahaja)		Bilangan yang masuk ke dalam Daerah		Bilangan yang dibawa daripada Daerah		Bilangan yang dibawa keluar daripada Negeri
	Jumlah	Peratus	No. Pendaftaran	Bilangan	Jumlah (daripada Daerah)	Belina (daripada Daerah)	Jumlah (ke Daerah)	Belina (ke Daerah)	
Kerbau									
Lembu									

Berama-sama ini dihantar/kan salinan lesen sebanyak.....kepada Lembaga Hal-hal jika ada.....  
 PRAKARANGAN: Penyata ini hendaklah dihantar ke Pejabat Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri tidak lewat daripada 7 hari bulan tiap-tiap bulan.

Tarikh.....  
 Penolong Pegawai Haiwan

JADUAL KEDUA  
(Seksyen 12)

JADUAL BAYARAN YANG KENA DIBAYAR KEPADA PENOLONG  
PEGAWAI HAIWAN/PEMBANTU URUSAN HAIWAN

*Borang B.*

- |    |  |               |
|----|--|---------------|
| 1. | Bagi mengeluarkan Surat Keterangan Pendaftaran di bawah seksyen 16,20, dan 24 atau salinan yang diakui di bawah seksyen 27 | \$1.00 seekor |
|----|--|---------------|

*Borang C.*

- |    |   |               |
|----|---|---------------|
| 2. | Bagi mendaftar Surat Pindah Milik di bawah seksyen 21 | \$1.00 seekor |
|----|---|---------------|

*Borang D.*

- |    |  |               |
|----|--|---------------|
| 3. | Bagi pendaftaran lewat di bawah seksyen 18           | \$1.00 seekor |
|    | Bagi pendaftaran lambar di bawah seksyen 19          | \$1.00 seekor |
|    | Bagi membawa pindah di bawah seksyen 22              | \$1.00 seekor |
|    | Bagi kehilangan surat keterangan di bawah seksyen 27 | \$1.00 seekor |

*Borang E.*

- |    |   |               |
|----|---|---------------|
| 4. | Bagi mengeluarkan Surat Keterangan Pembatalan Pendaftaran di bawah seksyen 23 atau 26 | \$2.00 seekor |
|----|---|---------------|

Diluluskan pada 27 haribulan April, 1981.  
[PSUK.Pk. (G) 3431/53; P.U.Pk. 67/71.]

(HUSAIN bin HAJI ANJANG PULAU)  
*Setiausaha,*  
*Dewan Perhimpunan Undangan Negeri,*  
*Perak*

**No. 1 TAHUN 1981**

**I ASSENT,**

(RAJA IDRIS ISKANDAR SHAH)  
*Sultan of Perak*  
(State Seal)

16th July, 1981.

An Enactment to provide for the registration of cattle in the State of Perak and for matters connected thereto.

BE IT ENACTED by the Legislature of the State of Perak as follows:

**PART I  
PERLIMINARY**

1. This Enactment may be cited as the Cattle Registration Enactment, 1981 and shall come into force on such date as the Ruler in Council may by notification in the *Gazette* appoint and the Ruler in Council may bring all or any of the provisions of this Enactment into force either in the whole State or in such part or parts of the State as may be specified in the notification. Short title application and commencement
  
2. In this Enactment and the rules made thereunder, unless the context otherwise requires- Interpretation  
“cattle” means bulls, cows, oxen, heifers and calves and includes buffaloes of any age or sex;  
“export” means to take out of the State;  
“import” means to bring into the State;  
“owner” includes any person having possession or control of any cattle;  
“State Director of Veterinary Services” means the Head of the Veterinary Department in the State of Perak;  
“transfer” means a sale or gift;  
“Veterinary Authority” means any officer appointed under section 4 (2) of this Enactment;  
“Veterinary Officer” means any officer appointed by the Ruler in Council under section 3 (2) of the Animals Ordinance, 1952 and, unless the context otherwise requires, includes the State Director of Veterinary Services.

**PART II  
ADMINISTRATION**

3. The State Director of Veterinary Services shall be responsible for carrying out the provisions of this Enactment. Responsibility of State Director of Veterinary Services
  
4. (1) The State Director of Veterinary Services may delegate by writing under his hand any of his powers under this Enactment (except this power of delegation) to any Veterinary Officer subject to such conditions and limitations as he may specify in the instrument of delegation:  
  
Provided that the State Director of Veterinary Services may exercise any powers under this Enactment notwithstanding any delegation by him under this section. Delegation of powers
  
- (2) The State Director of Veterinary Services may appoint as many officers of his Department by name or office to be the Veterinary Authority for such districts as he may think fit for the purpose of performing the several duties prescribed by this Enactment.

- (3) The Assistant Veterinary Officer or veterinary Assistant of every District in the State shall exercise the powers and perform the duties conferred or imposed upon him by or under this Enactment and shall act in conformity with the directions of the State Director of Veterinary Services.
5. (1) The State Director of Veterinary Services shall provide and maintain a sufficient number of registers and books and other documents in the prescribed forms required to be kept, issued or used by this Enactment. Provision and maintenance of registers and books
- (2) Subject to the directions of the State Director of Veterinary Services all registers and books shall be kept by the Assistant Veterinary Officer or Veterinary Assistant of the District to which the register or book relates.
- (3) Subject to the directions of the State Director of Veterinary Services all completely used books shall be kept in safe custody by the Veterinary Authority of the Districts assigned to him under section 4 (2).
6. (1) There shall be a Cattle Register for each District in the State in which the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall record the particulars of all cattle in his District but nothing in the section shall prevent the keeping of separate registers, one for buffaloes and another for other cattle. Cattle Register
- (2) The Cattle Register shall be in Form A of the First Schedule.
7. The Certification of Registration required to be issued under section 16, 20, 24 or a certified copy thereof under section 27 shall be in counterfoil book form serially numbered and shall be in Form B of the First Schedule. Certification of Registration
8. (1) The Memorandum of Transfer required to be executed under section 21 shall be in duplicate serially numbered and shall be in Form C of the First Schedule. Memorandum of Transfer
- (2) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall enter the particulars required therein and after obtaining the signatures of the parties to the transaction he shall countersign the same and issue the original copy to the transferee.
9. (1) The reports required to be made under sections 18, 19, 22 and 27 shall be entered in a book to be called the Report Book in duplicate serially numbered and shall be in Form D of the First Schedule. Report Book
- (2) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall enter the particulars required therein and after obtaining the signature of the informant he shall countersign the same and issue the original copy to the informant.
- 10.(1) The Certificate of Cancellation of Registration required to be issued under section 23 and 26 shall be in duplicate serially numbered and shall be in Form E of the First Schedule. Certificate of cancellation of Registration
- (2) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall enter the particulars required therein and issue the original copy thereof to the owner of the cattle.
11. During the first week of each month every Assistant Veterinary Officer shall make up and send to the State Director of Veterinary Services a Monthly Return in Form F of the First Schedule giving all particulars required therein in respect of the preceding month. Monthly Return
- 12.(1) There shall be paid to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant: Fees
- (a) the fees specified in the Second Schedule; and

such other fees as are prescribed.

- (2) The Ruler in Council may by order exempt any person from the payment of any fee.
  - (3) (a) All cattle distributed under the State or Federal "pawah" scheme, while they remain the property of the Government, shall be exempted from the payment of any fee.  
(b) All cattle reared in Government, or quasi Government farms shall be exempted from the payment of any fee.
  - (4) The amount of fee shown on any document issued in accordance with or under the provisions of this Enactment shall until the contrary is shown be presumed to be the fee paid or received, as the case may be.
  - (5) The Veterinary Assistant shall pay in all fees received by him to the Assistant Veterinary Officer and shall produce all relevant books to the Assistant Veterinary officer at the time of payment.
  - (6) All fees collected under the provisions of this Enactment including the compound fees imposed and collected under section 34 shall be credited to State Revenue.
13. The State Director of Veterinary Service shall, as soon after (date) every year compile: Annual Returns
- (a) a summary of the cattle population of the State showing births, deaths, slaughters, transfers and movement of the preceding year; and
  - (b) a general report on the increase or decrease of the cattle population and on any special causes appearing to affect such increase or decrease, so far as the same can be adduced from Cattle Registers and monthly returns.

### PART III FIRST REGISTRATION

14. (a) Every owner of any cattle shall report to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of his District such particulars as the Veterinary Authority may require as to any cattle owned by him. All cattle to be registered
- (b) All cattle owners shall be required to pay the prescribed fee for the first registration after the expiration of 6 months from the date of coming into force of this Enactment.
15. Any cattle to be registered shall be required to be ear-tattooed for the purposes of identification as *bona fide* animal in the State. Ear-tattooed
16. Upon the registration of any cattle the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall deliver to the owner on payment of the prescribed fee a Certificate of Registration. Issue of Certificate of Registration

### PART IV BIRTHS

- 17.(1) The owner of any cattle which shall be born in the State shall report such birth within fourteen days to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of his District and shall deliver to him the Certificate of Registration of its dam. Births
- (2) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall endorse the particulars of such birth on the Certificate of Registration of the said dam and in the Cattle Register and shall register such birth.

18. Where, after the expiration of fourteen days and before the thirty first day from the date of birth of any cattle, report is made to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant to register the particulars of such birth, the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant may, on payment of the fee prescribed for delayed registration, register the particulars prescribed. Delayed Registration
19. Where after the expiration of thirty days from the date of birth of any cattle, the birth has not been reported, the birth shall not be registered except with the written approval of the Veterinary Authority and in such manner and subject to such conditions as may be prescribed for late registration, and the fact that the approval of the Veterinary Authority has been obtained shall be entered in the register. Approval of Veterinary Authority required for late registration
20. (a) Upon the registration of births of any cattle under section 17, 18, or 19 the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall deliver to the owner on payment of the prescribed fee a Certificate of Registration. Issue of Certificate of birth
- (b) Any calf to be registered under section 17, 18 or 19 shall be required to be ear-tattooed for the purposes of identification.

#### PART V TRANSFERS

- 21.(1) Every transfer of cattle shall be reported by the transferor and the transferee to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of the District in which the cattle is registered. Transfers to be registered
- (2) Whenever any report is made under sub-section (1) the transferor and the transferee shall execute a Memorandum of Transfer and the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of the District shall register such transfer on payment of the prescribed fee by recording the particulars thereof in the cattle register and on the Certificate of Registration.
- (3) The owner of every cattle which is being transferred under the provisions of the sub-section (1) and (2) shall deliver to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant the Certificate of Registration of such cattle and no Memorandum of Transfer shall be registered by the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant unless and until such Certificate is delivered to him.

#### PART VI MOVEMENTS

- 22.(1) Any owner of cattle wishing to remove any cattle from one district to another shall first report to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of the District in which the cattle is registered and shall deliver to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of the said cattle. The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall endorse such Certificate of Registration and enter the particulars of such endorsement in the Cattle register. Removals
- (2) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall on payment of the prescribed fee enter the particulars of such report in Form D of the First Schedule and issue the original copy thereof to the owner.
- (3) Any owner who shall remove any cattle from one District to another shall, within seven days of arrival in such other District, report the arrival to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of the other District and shall deliver to him the Certificate of Registration of such cattle together with the original of Form D issued under sub-section (2). The Assistant

Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall retain the original copy of Form D, endorse the particulars of arrival on the Certificate of Registration and the Cattle Register and return the Certificate of Registration to the owner.

- 23.(1) Any owner who intends to export any cattle shall report to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of the District in which the Cattle is registered and shall deliver to him the Certificate of Registration relating thereto. Exports
- (2) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall on payment of the prescribed fee enter the particulars of such report in Form E of the First Schedule and issue to the owner a Certificate of Cancellation of Registration.
- (3) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall endorse such particulars in the Cattle Register and on the Certificate of Registration and shall retain such Certificate of Registration.

- 24.(1) Any person who imports any cattle shall, unless such cattle are in transit only, produce such cattle for registration together with the written approval of the Veterinary Authority before the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of the District within seven days from the date of importation. Imports
- (2) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall on payment of the prescribed fee register such cattle and issue to the owner thereof a Certificate of Registration.

#### PART VII DEATHS

- 25.(1) The owner of any cattle which shall die in the State shall report such death within twenty-four hours to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of the District in which the cattle is registered and shall deliver the Certificate of Registration of such cattle. Deaths to be reported within 24 hours
- (2) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall enter the particulars of such death in the Cattle Register and endorse the same on the Certificate of Registration and retain such certificates.
- (3) No fee shall be charged for recording the death of any cattle.

#### PART VIII SLAUGHTERS

- 26.(1) Any owner who intends to slaughter any cattle shall report to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant of the District in which the cattle is registered and shall deliver to him the Certificate of Registration relating thereto together with the approval for slaughter of the Veterinary Authority. Slaughters
- (2) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall on payment of the prescribed fee enter the particulars of such report in Form E of the First Schedule and issue to the owner a Certificate of Cancellation of Registration.
- (3) The Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall enter the particulars of each slaughter in the Cattle Register and endorse the same on the Certificate of Registration and retain such certificate.

#### PART IX CERTIFICATES OF REGISTRATION

- 27.(1) If the Certificate of Registration of any cattle is lost or destroyed the person lawfully entitled to the custody thereof shall produce the said cattle and Loss of Certificate of Registration and Issue

- make a report regarding such loss or destruction to the Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant who shall on payment of the prescribed fee record the substance of each report in Form D of the First Schedule. of certified copy
- (2) If the said Assistant Veterinary Officer/Veterinary Assistant shall be satisfied as to the truth of the report and that the person making the report is entitled to the custody of the Certificate of Registration he shall issue to him on payment of the prescribed fee a Certified copy thereof and shall record the fact of such issue in the Cattle Register.
28. No person, other than the State Director of Veterinary Services, the Veterinary Authority acting in the course of his duty as such, shall make any mark or endorsement or entry upon or erase, transfer, cancel or otherwise deface or destroy a Certificate of Registration or a certified copy thereof. Alteration to Certificate of Registration prohibited
29. Any Veterinary Officer, Veterinary Authority or Police Officer may at any time inspect any cattle or parts of carcass thereof and any Certificate of Registration or other documents issued under the Enactment relating thereof, or may at any time require the owner of any cattle to produce any cattle or Certificate of Registration within such time, to such person and at such place as the person making such requirement may think fit. Power to inspect cattle and documents

#### PART X OFFENCES

30. Any person who being a person having the custody of any register or other book carelessly loses or injures the register or allows the register to be injured shall be guilty of an offence under this Enactment and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit. Offences relating to registers
31. Any person who-
- (a) willfully makes or permits to be made for the purposes of registration any false statement; or
  - (b) willfully or knowingly furnishes or permits to be furnished any false information touching any of the particulars required by this Enactment to be made known; or
  - (c) makes or permits to be made any false entry in any register, knowing the same to be false; or
  - (d) willfully destroys or permits to be destroyed any entry in any register or any certificate; or
  - (e) knowingly makes a false report for the purpose of obtaining a certified copy of a Certificate of Registration under the provisions of section 27,
- shall be guilty of an offence under this Enactment and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months, or to both such fine and imprisonment. Penalty for false information, false entry, or destruction of entry or certificate
32. No prosecution for any offence punishable under sections 30 and 31 of this Enactment shall be instituted except with the previous written sanction of the Public Prosecutor. Authority to prosecute
33. Any person who-
- (a) being required by or under this Enactment to give information concerning any cattle or the birth or death or slaughter of any cattle, willfully refuses to answer any question put to him by the Veterinary Authority relating to the particulars required to be registered concerning the birth, death, or slaughter of any cattle, or, save as provided in this Enactment, fails to comply with any requirement of the Veterinary Authority made thereunder;
  - (b) refuses or fails without reasonable excuses to give, deliver or send any certificate or other document which he is required to give, deliver or send;
- Penalty for failure to give information

(c) being a person whom a duty is imposed by sections 14, 17, 21, 23, 24, 25 or 26 to give information concerning any cattle fails to give that information and that information is not given, shall be guilty of an offence under this Enactment and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two hundred ringgit for each offence.

- 34.(1) The State Director of Veterinary Services may in his discretion compound any offence punishable under section 33 of this Enactment by accepting from the persons reasonably suspected of having committed such offence a sum of money not exceeding one hundred ringgit. Power to compound offences
- (2) The State Director of Veterinary Services may specially authorize by name or office any Veterinary Officer to exercise his powers to compound offences conferred on him by this section provided that such officer shall not make an offer of composition in excess of twenty ringgit.

#### PART XI GENERAL

- 35.(1) Subject to the provisions of this Enactment the Ruler in Council may make rules for the further carrying out of the objects and provisions of this Enactment. Power to make rule
- (2) Without prejudice to the generality of the powers conferred by sub-section (1) the Ruler in Council may make rules in respect of all or any of the following matters:
- (a) the forms and contents of the registers, certificates, forms and other documents required and the information to be supplied for carrying out the purpose of this Enactment;
  - (b) the fees to be imposed under this Enactment;
  - (c) the custody of registers, certificates, forms and other documents connected with the business of registration;
  - (d) any other matter as to which it may be expedient to make rules for carrying into effect the provisions of this Enactment.
36. The Ruler in Council may by order delete any provisions from or add to or vary the provisions of any schedule to this Enactment. Power to amend Schedule